

9 perdengar bacaan malam kedua

KOTA KINABALU 30 Jun – Seramai sembilan peserta memperdengarkan bacaan pada malam kedua Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan kali Ke-53 di Dewan Saadah Majlis Ugama Islam (MUIS) Sabah di sini.

Peserta pertama yang memperdengarkan bacaan malam ini ialah qari dari Terengganu, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman yang membaca surah al-Maidah bermula ayat 27.

Peserta seterusnya ialah qariah dari Selangor, Nor Ruzana Natiah Jaafar yang membaca surah al-Imran diikuti qari dari Selangor, Ahmad Mustafa Mohd. Sidin yang membaca surah At-Taubah bermula ayat 119.

Seterusnya qariah dari Perlis, Sarina Che Yahya memperdengarkan bacaan surah al-Baqarah diikuti bacaan surah al-Imran oleh qari Negeri Sembilan, Abd. Latif Mohd. Ali.

Peserta keenam yang memperdengarkan bacaan pula ialah qariah dari Pahang, Hanimzah Jalaludin diikuti qari dari Johor, Mohd. Zulhilmi Ibrahim.

Qariah dari Pulau Pinang, Maimunah Awang kemudiannya memperdengarkan bacaan surah al-A'raf sebelum diikuti peserta kesembilan yang juga dari Pulau Mutiara, Mohd. Mawardi Jamaludin yang membaca surah al-Haj.

Majlis tilawah al-Quran selama lima malam bermula semalam hingga



AHMAD TARMIZI

Sabtu ini disertai 29 qari dan qariah dari seluruh negara.

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohamad Sheikh



NOR RUZANA NATIAH

Abdul Aziz berkata, penganjuran majlis kali ini berjalan dengan baik selain mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat negeri ini.



ABD. LATIF

Malah beliau yang juga Pengerusi jemaah hakim berkata, majlis kali ketiga yang diadakan di Sabah ini turut mendapat sambutan daripada masyarakat bukan Islam.